

# PAK-21

## FAN-N-PICK

- Arahan :**
1. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan kecil.
  2. Guru akan menyediakan beberapa situasi yang memerlukan murid berfikir tentang tindakan hemah tinggi.
  3. Murid mempunyai peranan masing-masing dalam kumpulan.
  4. Antara peranan murid ialah :
    - (a) Murid 1 : Susun kad seperti kipas
    - (b) Murid 2 : Pilih kad dan bacakan soalan
    - (c) Murid 3 : Jawab soalan
    - (d) Murid 4 : Beri respon dan beri pujian kepada jawapan rakan
  5. Murid secara berkumpulan akan menulis respon soalan kumpulan dalam kad pelbagai bentuk dan warna.
  6. Guru perlu menyediakan soalan situasi dan ditulis pada kad. Kad tersebut akan dicabut oleh murid dan murid perlu membaca situasi tersebut.
  7. Contoh situasi yang boleh digunakan ialah :

### Situasi 1

Seorang wanita mengandung sedang berdiri di dalam LRT yang penuh manakala kamu duduk di tempat duduk.

### Situasi 2

Kawan kamu bercakap dengan kasar kepada juruwang kerana juruwang itu lambat mengira baki bayaran.

### Situasi 3

Semasa berada di pasar malam, kamu terpijak kaki seseorang tanpa sengaja lalu orang itu menoleh ke arah kamu.

### Situasi 4

Rakan kamu menolak seorang individu semasa berebut masuk ke dalam lif.

8. Murid perlu menyatakan tindakan yang menunjukkan sikap beradab sopan dan berbudi pekerti mulia dalam hidup bermasyarakat berdasarkan situasi yang ditulis pada kad tersebut.
9. Guru akan membuat rumusan dan penilaian berdasarkan hasil kerja murid.

SP 5.5 TP 6